



Ruj. Kami : JPA.800-6/2/109(6)
Tarikh : 14 Februari 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Pentadbir Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan/Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

KEMUDAHAN RAWATAN DAN PERBELANJAAN PERUBATAN PESARA PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP) DAN IBU BAPA YANG SAH

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Dr./tuan/puan sedia maklum, Perintah Am Bab F Perubatan telah memperuntukkan kemudahan rawatan perubatan kepada mana-mana pegawai atau pesara dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan atau mana-mana Negeri.
3. Mulai 1 Januari 2018, Kerajaan telah memutuskan supaya kemudahan rawatan perubatan turut dipanjangkan kepada ibu bapa pesara berpencen yang sah dari segi undang-undang bagi mengurangkan beban kewangan dan menjaga kebajikan pesara berpencen. Berpandukan kepada hasrat yang sama, Kerajaan telah bersetuju untuk memanjangkan kemudahan rawatan perubatan kepada ibu bapa yang sah dari segi undang-undang bagi pesara Skim KWSP. Pemanjangan kemudahan rawatan perubatan ini hanya terpakai kepada ibu bapa pesara Skim KWSP yang **bersara paksa sahaja** dan tidak termasuk ibu bapa bekas pegawai Skim KWSP yang meletak jawatan atau meninggalkan perkhidmatan atas kehendak sendiri.
4. Bagi pelaksanaan keputusan Kerajaan ini, pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 dan Garis Panduan Kemudahan Perubatan Untuk Ibu Bapa Yang Sah Kepada Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan Yang Berpencen adalah turut dipanjangkan kepada pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan Skim KWSP berkuat kuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan.

5. Tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing, garis panduan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan. Ketua Jabatan pihak berkuasa berkenaan yang menerima pakai surat edaran ini hendaklah melulus dan membuat bayaran perbelanjaan perubatan kepada ibu bapa pesara Skim KWSP masing-masing.

6. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Dr./tuan/puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK TEO KHIAN HOW)

Pengarah

Bahagian Pasca Perkhidmatan

Jabatan Perkhidmatan Awam

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam